# Bab 7
# Derlung

Hukum Derlung melibatkan pembubuhan huruf ‘alif’ pada suku kata terakhir sesuatu perkataan, sekiranya …

(i) perkataan tersebut mempunyai dua suku kata dan kedua-duanya bervokal ‘a’,

(ii) pada suku kata terakhir perkataan itu terdapat huruf ‘dal’, ‘ra’, ‘lam’, ‘wau’ atau ‘nga’.

Huruf-huruf tersebut disatukan untuk menjadi singkatan yang dikenali sebagai ‘derlung’. Hukum ini juga melibatkan perkataan yang mempunyai lebih daripada dua suku kata sekiranya dua suku kata terakhir perkataan tersebut bervokal ‘a’.

Contoh aplikasi…

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| dal (د) | lada | لادا | balada | بالادا |
| | waspada | وسڤادا | | |
| ra (ر) | bara | بارا | cara | چارا |
| | dara | دارا | lara | لارا |
| lam (ل) | bala | بالا | jala | جالا |
| wau (و) | bawa | باوا | | |

Copyright © 2023 SGM Educational Institution Pte Ltd.
The Contents are strictly used only for educational, non-commercial, and personal use only.
Use of the Contents for any other purpose is expressly prohibited without the written permission of SGM Group.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| nga (ڠ) | belanga | بلاڠا | kenanga | كناڠا |

Yang dinamakan **‘Luar Derlung’** ialah perkataan yang mempunyai dua suku kata (atau dua suku kata terakhir) dan kedua-duanya mengandungi vokal ‘a’ tetapi suku kata terakhir perkataan itu bukan terdiri daripada huruf ‘dal’, ‘ra’, ‘lam’, ‘wau’ ataupun ‘nga’. Suku kata tersebut **tidak perlu** dibubuh dengan huruf ‘alif’ sebagai penanda vokal ‘a’.

Contoh perkataan ‘luar derlung’…

| Luar Derlung | | Bukan Luar Derlung | |
|---|---|---|---|
| laba | لاب | riba | ريبا |
| bapa | باڤ | rupa | روڤا |
| raja | راج | puja | ڤوجا |
| sama | سام | rima | ريما |
| mata | مات | buta | بوتا |
| rasa | راس | rusa | روسا |

Copyright © 2023 SGM Educational Institution Pte Ltd.
The Contents are strictly used only for educational, non-commercial, and personal use only.
Use of the Contents for any other purpose is expressly prohibited without the written permission of SGM Group.